

30

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR @
YUSRE BIN MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]**

NO. SOALAN : 414

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah lampu
jalan kampung yang telah siap dipasang menerusi
projek Lampu Jalan Kampung (LJK) dan berapakah
jumlah jalan kampung yang telah siap dibaiki dan
diturap serta nama-nama jalan tersebut bagi
kawasan Parlimen Bukit Katil sehingga Oktober
2017.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 13 Oktober 2017, Kementerian telah memasang sebanyak 993 unit LJK di Parlimen Bukit Katil, melalui Program Pemasangan LJK Fasa 1 - Fasa 8. Manakala baki sebanyak 192 unit dijangkakan siap pemasangan menjelang akhir tahun 2017.

Bagi Projek kampung (PJK) pula, sebanyak **35** projek telah diluluskan untuk pelaksanaan pada tahun 2017 di Parlimen Bukit Katil. Setakat 13 Oktober 2017, **32** projek telah siap sepenuhnya dan 3 projek lagi sedang di peringkat pelaksanaan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada hujung bulan **Oktober 2017**.